

UNI ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD (Co. No. 16688-K)**MICROSOFT COMPLETE FOR BUSINESS**

INSURANS PERLINDUNGAN PERANTI MICROSOFT

NO. SIJIL INSURANS – sepertimana No. SIRI peranti yang dilindungi

Nama :
Maklumat Peranti :
Tarikh Mula :
Lebihan :
No. Sijil Utama :

Sijil ini melindungi Ahli terhadap :

1. Peranti yang dinyatakan di atas daripada Kerosakan Akibat Kemalangan termasuk Kerosakan Akibat Cecair. Dengan syarat bahawa liabiliti Syarikat di bawah Sijil ini berkaitan dengan mana-mana kerugian tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan terhadap Peranti

Sijil ini adalah tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian yang terkandung di dalam Polisi Utama yang dinyatakan di atas yang diinsuranskan oleh UNI ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD (Co. No. 16688-K).

(Dokumen ini dihasilkan secara berkomputer – tiada tandatangan diperlukan)

UNI ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD

Menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, kami bertanggungjawab untuk melindungi data peribadi anda. Sila layari laman web kami di www.uniasiageneral.com.my untuk maklumat lanjut mengenai Dasar Privasi kami. Sebagai alternatif, anda boleh e-mel pertanyaan atau permintaan anda untuk mengemaskinikan data peribadi anda kepada kami di customercare@uniasiageneral.com.my atau melalui pos kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Uni.Asia General Insurance Berhad, Tingkat 10, Menara Uni.Asia, 1008, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

MICROSOFT COMPLETE FOR BUSINESS

Ringkasan Terma dan Syarat untuk Program Perlindungan Peranti

Apakah Perlindungan Yang Akan Anda Terima

Jikalau Anda telah membayar Premium, dan Kami telah menerima permohonan anda, Kami bersetuju untuk melindungi Anda dalam Tempoh Insurans mengikut terma, syarat, pengecualian dan Had dalam Polisi Utama

Apa Yang Akan Dibayar

Kami akan melindungi Anda terhadap Kerosakan yang disebabkan Akibat Kemalangan (termasuk Kerosakan Akibat Cecair)

Tanggungjawab Anda Untuk Memberitahu

Apa Yang Perlu Anda Maklumkan Kepada Kami

Anda mesti maklumkan semua perkara yang Anda tahu, atau sepatutnya tahu, yang mana boleh mempengaruhi keputusan Kami untuk melindungi Anda dan/ atau terma yang melindungi Anda. Anda perlu melakukan perkara ini semasa memohon Perlindungan insurans atau memperbaharui perlindungan insurans Anda. Apabila Kami merujuk kepada Anda soalan khusus, Anda hendaklah menjawab soalan dengan jujur. Adalah penting untuk setiap orang yang dilindungi di bawah insurans ini menjawab soalan dengan sejujurnya.

Apa Yang Akan Berlaku Sekiranya Anda Tidak Memberitahu Kami

Sekiranya Anda melindungi maklumat atau Anda tidak menjawab soalan Kami dengan cara seperti yang diterangkan, Kami boleh mengurangkan pembayaran Tuntutan Anda, atau Kami boleh membatalkan perlindungan polisi Anda. Sekiranya kegagalan Anda untuk memaklumkan Kami dianggap sebagai penipuan, atau jawapan Anda tidak benar, Kami boleh mengambilkira seolah-olah polisi Anda tidak pernah wujud.

Adakah Anda Layak Untuk Perlindungan

Anda akan layak dilindungi di bawah Polisi ini jika Anda adalah pembeli Peranti baru dari Microsoft dan Melebihi umur 18.

Perkataan-Perkataan Yang Membawa Maksud Tertentu

Sebahagian perkataan-perkataan di dalam Sijil Insurans/Polisi Utama membawa maksud tertentu. Perkataan-perkataan tersebut dan maksudnya adalah seperti di bawah.

Kemalangan

Bermaksud peristiwa luaran yang melibatkan kekerasan, keganasan dan yang menyebabkan Kerosakan yang tidak dijangka, berlaku secara kebetulan dan tanpa sebarang perancangan dan berlaku tanpa bergantung kepada sebab-sebab lain. Walaubagaimanapun, kecurian peranti adalah terkecuali.

Sijil Insurans

Bermaksud Sijil Insurans yang mengandungi perincian seperti nama Anda, perincian buatan dan model Peranti yang dilindungi. Ianya merupakan sebahagian daripada Polisi Utama, dan Anda hendaklah membacanya bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi Utama.

Tuntutan

Bermaksud tuntutan bagi mana-mana hak dan faedah di bawah Polisi Utama. Syarikat akan menyelesaikan Tuntutan dengan membayar pusat perkhidmatan yang disahkan.

Kami, Syarikat

Merujuk kepada UNI.ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD

Kerosakan

Bermaksud Kerosakan fizikal, kemusnahan dan kegagalan Peranti Anda (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Kerosakan akibat cecair) yang menghalang Peranti Anda dari berfungsi dengan sewajarnya.

Tarikh Kejadian

Bermaksud tarikh apabila Kerosakan Akibat Kemalangan berlaku.

Lebihan

Bermaksud jumlah yang perlu ditanggung oleh Anda untuk setiap Tuntutan. Anda hendaklah membayar jumlah pertama untuk semua Tuntutan, dan jumlah Lebihan tersebut dinyatakan di dalam Polisi Anda.

Kejadian

Bermaksud peristiwa Kerosakan Akibat Kemalangan (termasuk Kerosakan Akibat Cecair) berlaku.

Anda

Merujuk kepada individu yang namanya dinyatakan dalam Sijil tertakluk kepada terma kelayakan yang telah ditentukan oleh syarikat dari masa ke semasa.

Ahli yang Diinsuranskan

Polisi ini meliputi peranti yang digunakan oleh organisasi, pekerja ataupun individu.

Had

Bermaksud jumlah maksimum yang dibayar di bawah Polisi Utama ini dalam Tempoh Perlindungan untuk penggantian atau pembaikan Peranti; Harga Penggantian atau kos pembaikan dan dua tuntutan maksimum hanya untuk tempoh perlindungan tetapi jumlah semua faedah yang dibayar atau perlu dibayar semasa polisi ini berkuatkuasa tidak akan melebihi agregat dua kali jumlah yang diinsuranskan peranti.

Penukaran Material

Bermaksud apa-apa penukaran material yang melibatkan fungsi Peranti yang dilindungi, samada meningkatkan keupayaannya atau penglibatan yang dapat mengurangkan keupayaannya daripada spesifikasi asal pengeluar.

Peranti

Bermaksud Peranti yang dinyatakan di dalam Sijil Insurans Ahli yang Diinsuranskan termasuk nombor SIRI, pengeluaran dan ciri-ciri model.

Tempoh Perlindungan

Bermaksud Tempoh Perlindungan dimana Kami telah menerima Caruman daripada Ahli yang Diinsuranskan.

Sijil

Bermaksud peraturan/ perjanjian Insurans di antara Anda dan Kami.

Caruman

Bermaksud amaun wang yang Anda setuju bayar kepada Kami di bawah Sijil Insurans sebagai balasan kepada manfaat yang tertera di dalamnya.

Harga Penggantian

Bermaksud nilai pasaran satu (1) unit Peranti dari pengeluaran dan model yang sama seperti Peranti atau Peranti lain yang mempunyai keupayaan fungsi dan teknikal yang sama jika tiada stok Peranti tersebut yang tersedia semasa tarikh penggantian, dengan syarat nilai Peranti gantian tersebut tidak melebihi nilai Peranti asal.

Nombor Siri

Adalah kod unik yang digunakan untuk mengenal pasti sesebuah Peranti

Had Kawasan

Bermaksud di dalam Malaysia.

Bila Perlindungan Berkuatkuasa

Tempoh Insurans akan bermula dari masa pembayaran diterima daripada Anda dan akan berakhir pada 12.01 pagi waktu Malaysia, atau pada tarikh pembatalan. Sebarang kegagalan untuk membayar Caruman akan mengakibatkan Perlindungan dibatalkan secara serta-merta.

Siapakah Yang Akan Kami Bayar

Semua pampasan di bawah Polisi Utama akan dibayar kepada Pusat Servis yang disahkan dan tertakluk kepada Had seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Utama.

Apa Yang Tidak Dilindungi

Kami tidak akan melindungi Anda terhadap Kerosakan yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada perkara di bawah:

- i. Banjir, Gempa Bumi dan lain-lain kejadian alam;
- ii. Perbuatan yang bertentangan dengan larangan kerajaan atau undang-undang;
- iii. Peperangan, penaklukan, perbuatan musuh asing, permusuhan (samada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, dahagi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa oleh pihak tentera atau pemerintahan tentera;
- iv. Sebarang tindakan keganasan. Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/ atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau golongan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubungan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/ atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.
- v. Kelewatan, rampasan, penahanan, pemusnahan atau pengambilan oleh Kastam atau Polis atau disebabkan arahan daripada Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa, samada sebagai barang seludup atau barang curi atau sebaliknya, atau akibat dari perbuatan atau aktiviti haram atau sebagainya;
- vi. Keadaan atmosfera (selain dari kilat atau hujan ribut);
- vii. Ionising, radioaktif atau pencemaran radioaktif dari mana-mana bahan api nuklear, dari mana-mana letusan lebih nuklear, dari bahan api atau senjata nuklear ; dan/ atau
- viii. Penipuan atau kegiatan jenayah oleh Anda atau pihak Anda.

Kami Juga Tidak Melindungi:-

- i. Lebihan, seperti yang ditunjukkan pada Polisi.
- ii. Kerugian yang tidak dijangka terhadap Peranti Ahli dalam Tempoh Insurans yang disebabkan oleh Ahli atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Ahli untuk menggunakan peranti mudah alih mereka.

- iii . Kerosakan:
 - a) akibat dari haus dan lusuh, “marring”, calar, Kerosakan mekanikal atau elektrik, perubahan warna, atau mana-mana jenis Kerosakan atau kegagalan yang tidak berkaitan dengan cara Peranti tersebut berfungsi; ;
 - b) akibat daripada pengubahan , penyelenggaraan , pembaikan , masalah rekabentuk, atau mana-mana proses pembersihan atau pemulihan .

- iv. Sebarang kerugian Ahli mungkin mengalami atau kos yang ditanggung oleh Ahli untuk:
 - a) kehilangan nilai, kehilangan kegunaan, kehilangan maklumat yang disimpan di memori atau apa-apa kehilangan turutan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kehilangan ekonomik, atau kehilangan pendapatan, keuntungan, perniagaan, goodwill atau penjimatan yang dijangka) , kecuali seperti yang telah dinyatakan di dalam Polisi ini;
 - b) Kerosakan, kos atau caj, apabila membaiki atau mengganti aerial , pengecas bateri atau bateri di mana barangan ini adalah satu-satunya bahagian Peranti yang telah mengalami kerosakan atau kecurian;
 - c) Sebarang Kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan sengaja atau kecuiaan oleh Ahli, pekerja-pekerja Ahli atau mana-mana orang yang menggunakan Peranti dengan kebenaran Ahli;
 - d) kos atau caj apabila menggantikan aksesori yang tidak boleh lagi digunakan dengan Peranti;
 - e) kos membaiki atau mendapatkan gantian Peranti di mana Kerosakan tersebut dilindungi oleh jaminan atau waranti pengeluar yang berkenaan untuk bahagian gantian atau kerja-kerja pembaikan;
 - f) kos yang disebabkan oleh Peranti tersebut diservis secara berkala, diperiksa, diselaras atau dibersihkan;
 - g) penggantian atau pembaikan sebarang aksesori yang berkaitan dengan Peranti Ahli;

- v. Kebocoran dalaman bateri, melainkan jika ianya disebabkan Kemalangan;

- vi . Kerosakan berperingkat atau pembukaan mana-mana bahagian Peranti tersebut atau Kerosakan kepada mana-mana bahagian semasa ianya dialihkan dari kedudukan biasa, karat atau hakisan;

- vii, kehilangan yang tidak dapat dijelaskan atau kehilangan secara misteri;

- viii. Kecacatan produk samada inheren tersembunyi atau tidak;

- ix. Kegagalan atau kehilangan fungsi elektronik termasuk nyalaan sendiri atau terbakar, samada akibat dari kegunaan, salah guna, percubaan atau pembaikan;

- x. Kerosakan berikutan dari tindakan Ahli yang disengajakan.

Bagaimana Membuat Tuntutan

Notis Tuntutan

Untuk Akibat Kemalangan, Anda mesti melakukan perkara seperti yang berikut:

- a) laporkan kepada Kami dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari waktu menyedari Kejadian tersebut
- b) hubungi Kami di talian bebas tol bernombor 1-800-886-295 dengan segera untuk memaklumkan Kejadian Kerosakan Akibat Kemalangan membuat Tuntutan. Anda hendaklah mengemukakan semua dokumen penting pada masa yang munasabah bagi pemeriksaan kami dan hendaklah bekerjasama dengan Kami dalam semua perkara yang berkaitan dengan apa-apa tuntutan. Kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan Tuntutan tersebut. Membuat Tuntutan palsu/ tipu akan menyebabkan Tuntutan tersebut tidak sah dan menyebabkan kami menolak Tuntutan tersebut.

Bukti Tuntutan

Anda hendaklah mengemukakan kepada Kami sebarang bukti samada secara bertulis atau sebaliknya yang diperlukan untuk menyokong Tuntutan Anda dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh melaporkan Tuntutan seperti yang dinyatakan di atas.

Anda perlu menyerahkan Peranti tersebut kepada Kami sebelum pembaikan atau penggantian dapat dilakukan. Kegagalan untuk mengemukakan bukti tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan tidak akan menyebabkan Tuntutan tidak sah atau mengurangkan Tuntutan jika ianya tidak mungkin dengan wajarnya mengemukakan bukti itu dalam tempoh masa yang ditetapkan, dengan syarat bukti tersebut dikemukakan secepat mungkin dan tidak boleh lewat daripada tiga puluh (30) hari dari Tarikh Kejadian. Semua dokumen, maklumat affidavit dan bukti hendaklah dikemukakan di dalam bentuk dan keadaan yang dikehendaki di atas tanggungan Anda.

Pilihan Penyelesaian

Kami berhak menentukan cara penyelesaian samada untuk membaiki atau menggantikan Peranti; dan mungkin menyertai mana-mana Syarikat Insurans lain untuk berbuat demikian jika Peranti itu juga dilindungi di mana-mana.

Jika Kami menggantikan Peranti tersebut, ianya akan digantikan dengan yang baru tetapi mungkin:

- a) model yang berbeza;
- b) tidak mempunyai ciri-ciri dan fungsi-fungsi yang sama seperti Peranti yang rosak atau hilang;
- c) seakan-akan sama, jenis atau kualiti seperti Peranti tersebut.

Pengumpulan

Kami berhak:

- a) Jika berlaku Kerosakan kepada Peranti, mengambil dan menyimpan Peranti Rosak dan menguruskannya dengan cara yang munasabah untuk mengurangkan kerugian; dan
- b) Mengambil alih di atas nama Ahli yang Diinsuranskan dan bagi pihak Ahli yang Diinsuranskan, keseluruhan pengendalian, pengawalan dan penyelesaian perundangan dan memulakan pelaksanaan perundangan dengan perbelanjaan Kami dan untuk manfaat Kami tetapi atas nama Ahli yang Diinsuranskan untuk mendapatkan ganti rugi daripada pihak-pihak ketiga untuk apa-apa yang dilindungi oleh Sijil Utama. Ahli yang Diinsuranskan perlu mengemukakan semua maklumat, dokumen dan member pertolongan yang diperlukan oleh Kami.

Tanggungjawab Anda

- a) Anda hendaklah mengambil semua langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi Peranti Anda pada setiap masa.
- b) Anda perlu memaklumkan kepada Kami sekiranya ada perubahan/ Penukaran Material kepada Peranti yang dinyatakan di dalam Polisi.

Bila Perlindungan Tamat

Perlindungan ini akan tamat dengan sendirinya apabila perkara berikut yang mana terdahulu berlaku:

- a) sebarang Caruman kena dibayar di bawah Sijil ini tidak dijelaskan selepas tarikh bayaran Caruman; atau
- b) apabila Perlindungan dibatalkan oleh Kami di bawah terma polisi ini;
- c) Anda menjual atau menukar hakmilik Peranti tersebut dengan mana-mana cara;
- d) Peranti diubahsuai atau diubah dalam apa jua cara, atau identiti elektronik Peranti diubah; atau
- e) Ahli yang Diinsuranskan menukar Peranti Ahli yang Diinsuranskan untuk apa-apa sebab selain daripada di bawah jaminan skim pertukaran pengilang atau Tuntutan di dalam Sijil.

Pembatalan

Pihak Diinsuranskan dan Syarikat berhak untuk membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dalam tempoh kuatkuasanya dengan menyediakan notis tujuh (7) hari yang lain secara bertulis. Apabila pemberitahuan itu, perlindungan adalah terhenti pada tujuh hari terakhir dan bayaran balik pro-rata caruman akan dibenarkan untuk baki tempoh insurans berkuat kuasa.

Insurans Lain

Kami tidak melindungi sebarang Kerosakan Akibat Kemalangan, yang dilindungi di bawah sijil yang lebih khusus atau Insurans Peranti lain yang disertai oleh Anda.

Undang-Undang dan Bidang Kuasa

Polisi Utama merujuk kepada Undang-Undang Malaysia, jika berlaku sebarang pertikaian, ia akan ditentukan oleh Mahkamah di Malaysia.

Fasal Timbangtara

Mana-mana pertikaian, perbezaan atau soalan yang mungkin timbul selepas ini di antara Kami dan Ahli yang Diinsuranskan atau wakil yang sah berhubung dengan pembinaan sebenar Polisi atau hak atau tanggungan hendaklah dirujuk kepada timbangtara. Polisi Utama hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia dan undang-undang Malaysia.

Timbangtara hendaklah didengar oleh seorang penimbangtara yang dipersetujui oleh pihak-pihak dalam perjanjian ini dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh bermulanya timbangtara. Jika tidak ada persetujuan, mereka akan terikat dengan pelantikan penimbang tara itu dan tertakluk kepada peruntukan Akta Timbangtara Malaysia atau mana-mana pengubahsuaian berkanun atau pembuatan semulanya yang sedang berkuat kuasa.

Aduan

Jika Ahli yang Diinsuranskan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Ahli yang Diinsuranskan, Ahli yang Diinsuranskan boleh menghubungi Microsoft secara langsung di alamat berikut: Surface Extended Service Plan Business, Microsoft Regional Sales Corp., 438B Alexandra Road, #04-09/12, Block B, Alexandra Technopark, Singapore, 119968. Sila nyatakan nama dan alamat Ahli yang Diinsuranskan, dan nombor keahlian yang ditunjukkan atas Sijil.

Jika Anda masih tidak berpuas hati dengan maklumbalas dari Microsoft, Anda boleh menulis terus kepada Pegawai Khidmat Pelanggan seperti alamat yang tertera di bawah. Sila nyatakan nama, alamat dan nombor keahlian Anda seperti yang tertera di atas Sijil.

Unit Perkhidmatan Pelanggan
UNI.ASIA GENERAL INSURANCE BERHAD
Tingkat 10, Menara Uni. Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Tel. No.: 03-2619 9000
03-2619 9169
Fax No.: 03-2693 2893

NOTIS PENTING UNTUK PEMEGANG POLISI

Saluran untuk menyelesaikan Aduan Insurans Anda

Jika anda tidak berpuas hati dengan maklum balas atau keputusan kami, Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada saluran di bawah. Sila semak dengan Unit Aduan Syarikat kami ini tentang saluran yang betul untuk mengemukakan aduan anda.

Saluran lain untuk menyelesaikan Aduan Anda:

Biro Perkhidmatan Pelanggan
Jabatan Pengawalan Insurans,
Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Tel. No.: 03-2698 8044
Fax No.: 03-2694 5986

Jika aduan anda masih tidak diselesaikan dan memuaskan hati anda, Anda boleh meminta untuk penilaian bebas dan percuma dalam tempoh enam bulan daripada keputusan terakhir kami kepada:

Biro Pengantaraan Kewangan/The Financial Mediation Bureau
Tingkat 25, Dataran Kewangan Darul Takaful
4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-22722811 Fax: 03-22745752

PENTING

Anda hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Anda, Kami perlu diberitahu dengan serta-merta dan Sijil ini dikembalikan untuk diberi perhatian

Terma dan Syarat Sijil Utama akan dirujuk.

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat kontrak ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Melayu.